

MITOS ASAL-USUL KOSMOLOGI MURUT PALUAN DAN KADAZANDUSUN: SATU PERBANDINGAN

MYTH OF ORIGIN COSMOLOGY OF MURUT PALUAN AND KADAZANDUSUN: A COMPARISON

Jacquelina Karimon¹, Shaiful Bahri Mohd. Radzi²

¹Pusat Pengajian Bahasa, Kesusateraan dan Kebudayaan Melayu, FSSK
Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Pengajian Bahasa, Kesusateraan dan Kebudayaan Melayu, FSSK
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence author: Jacquelina, acqlindejj_89@yahoo.com

ABSTRACT

Cosmology myth is a defender of past belief. This cosmology layer is structured and brighten the belief of Murut Paluan and Kadazandusun society in Sabah. The cosmology become the determinant of the custom construction, prediction and the ritual of their heritage. This cosmology also is the source that lighten the identity of the both ethnic society that still attached strongly in their belief. Some of the traditional treasures continues to be played out in today's dynamic and contemporary world. The cosmology structure brings forward the role of Aki Kinapuno (God of Murut Paluan) and Kinorohingan (God of Kadazandusun) in two different ethnics world. All the cosmology layers are represented by differences and similarity as human shelter to live life in harmony and orderly. The research source that based on field work is supported by scientific study of previous researcher. Thus, this method provides an analysis and statement that suitable to be paired up for comparison. The focus of this study is to presented the difference and similarity of cosmology myth of Murut Paluan. The highlight of the differences indirectly reminisces the authentic story to reveal the myths as an axis of belief. This belief has an impact of strengthening to their identity even though globalisation phase has given erosion of value in today's context.

Keywords: Cosmology Myth, Murut Paluan and Kadazandusun, comparison, belief, globalisation

ABSTRAK

Mitos kosmologi adalah pendukung kepercayaan silam. Piramid kepercayaan ini tersusun dan menyuburkan mitos Murut Paluan dan Kadazandusun di Sabah. Kosmologi ini menjadi penentu kepada pembinaan adat, ramalan dan ritual nenek moyang mereka. Kosmologi ini juga menjadi sumber yang memancarkan jati diri masyarakat kedua-dua etnik yang masih ada dalam kepercayaan mereka. Beberapa tempias khazanah tradisi diserap dalam dunia yang dinamik dan kontemporari kini. Struktur kosmologi ini menampilkan peranan *Aki Kinapuno* (Tuhan Murut Paluan) dan *Kinorohingan* (Tuhan Kadazandusun) dalam dua dunia etnik yang berbeza. Semua lapisan kosmologi ini terdapat perbezaan dan persamaan sebagai tedyuhan manusia untuk menjalankan kehidupan dalam keadaan harmoni dan teratur. Sumber kajian yang berorientasikan kajian lapangan ini disokong oleh kajian ilmiah yang pernah dikaji oleh penyelidik sebelumnya. Oleh itu, kaedah ini menujukkan analisis atau kenyataan yang sesuai digandingkan untuk perbandingan. Tumpuan kajian ini adalah ingin mengemukakan perbezaan dan persamaan mitos asal-usul kosmologi Murut Paluan. Penonjolan perbandingan ini secara tidak langsung mengimbas kisah autentik untuk mengungkapkan mitos sebagai paksi kepercayaan untuk kembali kepada jati diri manusia walaupun fasa globalisasi memberi hakisan nilai terhadap kepercayaan mereka.

Kata Kunci: Mitos kosmologi, Murut Paluan dan Kadazandusun, perbandingan, kepercayaan, globalisasi.

Pengenalan

Dunia mitos, dunia misteri. Kemisterian ini memberikan rasa ingin tahu yang menebal dalam kalangan para pengkaji. Kewujudan dunia ini diwarnai cerita-cerita mitos yang memunculkan banyak perspektif. Variatif pandangan hidup ini kerana kekayaan etnik dalam rentas keluasan peta geografi yang Sabah miliki. Kekayaan ini menjadikan sabah dilimpahi adat, budaya dan tradisi yang banyak. Etnik Murut dan Kadazandusun merupakan etnik yang besar tersebar di negeri Sabah. Terdapat 12 pecahan subetnik Murut di Sabah (Ismail Ibrahim 2012, Pugh-Kitingan 2012: 25) salah satunya ialah subetnik Murut Paluan. Masyarakat Murut Paluan hidup mengamalkan keterbukaan dengan menerima budaya luar namun masih mempertahankan pendapat

generasi terdahulu. Keadaan ini masih jelas berlaku dalam kalangan masyarakatnya yang terdapat di daerah Nabawan.

Merungkai kepercayaan etnik Kadazandusun bukanlah sesuatu yang asing. Etnik ini merupakan etnik yang besar di Sabah dan lebih dahulu terdedah kepada masyarakat luar. Majoriti kawasan Kadazandusun telah mengalami kemajuan dan tidak hairanlah jika masyarakat Kadazandusun lebih ke hadapan berbanding etnik Murut yang berada di kawasan pedalaman Sabah. Walaupun begitu kedua-dua etnik ini mempunyai keunikan yang tersendiri dalam mengamalkan tradisi kepercayaan lama mereka. Kepercayaan ini termasuklah pengetahuan yang membincangkan mengenai dunia supernatural. Keadaan yang dimaksudkan adalah peribadi pemegang adat ini dijadikan sebagai simbolik kepada kesucian akan cerita-cerita yang mucul dalam masyarakat mereka. Semua nasihat dan petunjuk yang diberikan adalah memiliki kebijaksanaan untuk meneruskan sesuatu kepercayaan. Kebenaran yang tinggi yang terdapat dalam cerita mitos masyarakat yang memilikinya memberi makna yang dalam dan pengetahuan untuk menjelaskan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat mereka. Walaupun umum mengetahui bahawa cerita mitos adalah cerita lisan yang dihafal dan diperturunkan namun mitos juga berupaya menjelaskan kisah suci yang perlu dihormati dan diambil alih oleh generasi Murut Paluan pada masa kini. Kerencaman budaya dan tradisi ini jugalah yang telah melindungi banyak pengaruh mitos dalam kepercayaan masyarakat Murut Paluan dan Kadazandusun.

Sorotan Kajian

Kajian mendalam terhadap folklor Murut Paluan di Sabah masih belum dilakukan secara meluas. Sehubungan itu, tidak banyak kajian yang bersifat ilmiah difokuskan ke atasnya kecuali minat dan usaha yang sekadar mengumpul dan mendokumentasikan semua cerita dalam bentuk buku atau naskhah. Pengumpulan ini pula dilakukan dengan mencampurkan semua cerita Murut yang tidak jauh beza dengan subetnik Murut yang lain di Sabah. Boleh dikatakan semua cerita yang dikutip merupakan cerita yang umum diketahui oleh sub etnik Murut yang lain. Hal ini disebabkan kebanyakan pengkaji hanya mengejar waktu untuk menyelamatkan beberapa tinggalan folklor yang masih ada untuk didokumentasikan seberapa banyak yang mungkin. Secara umumnya penghasilan penyelidikan folklor masih sedikit kajian yang telah dilakukan dan ini belum cukup memberi input untuk penyelidikan folklor “kemurutan” selanjutnya.

Kajian terhadap aspek-aspek yang berkait rapat dengan *world-view* dan kepercayaan masyarakat di Sabah telah banyak menarik pengkaji Barat. Evans (1920-an) paling awal dan banyak mendokumentasi tradisi lisan di Sabah. Diikuti oleh pengkaji seperti Woolley (1928), King dan King (1990), Hurlbut (1992 & 1986) dan Owen Rutter (1985). Owen Rutter (1985), beliau juga menulis mitos yang bertajuk *The Dragon of Kinabalu and other Boneo Stories*. Seorang lagi pengumpul cerita tempatan Sabah ialah Margeret M. Brooks (1961), Beliau telah memuatkan 10 buah cerita dalam satu buku. Williams (1965) pula mengkaji mengenai kisah penceritaan Legenda Kinabalu yang menyetuh kisah asal-usul masyarakat Dusun. Kajian williams (1969) diteruskan dengan membuat pendedahan menarik mengenai ciri-ciri tradisional dan kebudayaan masyarakat Dusun. Salah seorang pengkaji Barat yang mengakui bahawa tradisi lisan di Sabah masih hidup dalam masyarakatnya ialah Whelan (1970). Beliau membuat kajian mengenai aspek sejarah, cara hidup dan kepercayaan masyarakat kadazandusun. Barbara Harrison dengan kerjasama Micheal Chong (1965) kumpulan cerita Gua Kinabatangan. Selepas perang Jepun, kerajaan kolonialis terus serius melakukan dokumentasi yang diusahakan oleh Tom Harrison bersama Barbara Harrison (1970).

Brewis (1985) telah menerbitan analogi cerita mitos dan legenda Sabah. Koleksi ini mengandungi empat buah cerita etnik Murut Timugon yang bertajuk *Tales and Tradisions from Sabah*. Penghasilan kepada cerita ini dikatakan memakan masa yang agak lama kerana mempunyai usaha untuk menterjemahkan cerita kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sebuah lagi buku yang mengandungi sebanyak sembilan cerita rakyat yang telah dikumpul oleh Mohd. Nor Long (1976). Selain itu seorang lagi pengkaji bernama Marsh (1988) dalam antologi yang sama telah memuatkan tiga pulu satu buah cerita mitos dan legenda rakyat yang dikutip daripada masyarakat Kadazandusun dan Murut di daerah Tambunan, Keningau, Tenom dan Pensiangan.

Seorang pengkaji awal tempatan telah tampil iaitu Arena Wati (1978) telah menulis sebuah buku hasil penyelidikan beliau yang bertajuk *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Beliau merupakan pengkaji yang sangat teliti dengan mengambil semua sumber tulisan melalui cerita mitos dan legenda yang didengarnya menjadi intipati tajuk buku beliau. Sehubungan itu, buku beliau merupakan perintis penting dalam membuka laluan pengkaji baharu untuk memulakan kajian berdasarkan kepercayaan peribumi di Sabah.

Selain itu Rita Lasimbang (1990) dan Abdul Halim Bandan (1990) membuat koleksi cerita mitos pada tahun yang sama. Pada tahun 1991 terdapat lima buah cerita suku Murut Tagal dikutip oleh Nygren (1991) dan (Chong 1991). Dua belas buah cerita pula berjaya dikutip oleh Moody (1993) daripada etnik Idahan di Sabah.

Menghampiri tahun 2000, sekali lagi Rita Lasimbang (1999) telah membuat satu lagi usaha pengumpulan dan pengdokumentasian cerita-cerita tempatan di Sabah. Hasil cerita-cerita yang dikumpulkan beliau banyak berkait rapat dengan mitos dan legenda masyarakat Kadazandusun. Kajian Jacinta Tangil (2001), dengan berani membincangkan perkaitan antara puisi dengan sistem kepercayaan masyarakat tradisional Kadazandusun di Sabah. Beliau melihat bagaimana bentuk kepercayaan yang dipegang menyebabkan masyarakat tersebut percaya bahawa mereka perlu menyenangkan semangat di alam gaib yang mereka percaya. Justeru seorang penulis iaitu Gidah (2001), telah menulis satu-satunya kajian ilmiah yang bersifat merentasi sempadan geografi dalam bidang sastera rakyat yang berdasarkan kepada mitos orang Kadazandusun di Sabah.

Pengkajian terhadap cerita mitos dan legenda secara ilmiah terus dihasilkan oleh seorang penulis Low Kok On. Kajian ini telah melengkapkan kajian terdahulu oleh Barat dan menambah kekurangan kajian secara ilmiah tentang kajian cerita mitos di Sabah. Low Kok On (2005) menambah usaha penyelidikannya melalui sebuah buku yang diterbitkan pada tahun 2005 bertajuk *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Beliau sekali lagi menggunakan persepsi dan sumber yang dikutipnya sendiri berdasarkan kajian lapangan. Kajian ini berani dan unik sangat teliti dengan latar penulis yang bukan daripada komuniti tempatan namun mampu mengimbangi metod penyelidikan seperti kaca mata sebagai orang dalam dan luar.

Secara umumnya cerita mitos di Sabah masih kekurangan penyelidik. Tidak dapat dinafikan beberapa orang nama telah melakukan kajian ringan terhadap tradisi lisan. Kebanyakan pengutip cerita menangguhkan hasrat untuk mengambil masa mengupas dan tidak menulis secara ilmiah untuk dijadikan penulisan yang berbentuk penyelidikan. Walau bagaimanapun, usaha seperti ini tidaklah menolak peri pentingnya pendokumentasian. Kajian atau penelitian terhadap folklore Murut khususnya cerita Mitos amat diperlukan kerana kajian mengenainya kini masih pada tahap rendah. Penelitian ini penting bagi memahami sendiri kehidupan berbudaya etnik Murut Paluan. Terdapat kajian mengenai folklor dalam masyarakat Dusun

yang mempunyai peranan dan kaitan hampir sama dengan cerita Mitos dalam konteks Murut di Sabah. Cara hidup dan pemikiran yang hampir sama banyak berkisar mengenai animisme iaitu pemujaan unsur-unsur semula jadi yang perlu dipuja dengan pengorbanan dan penyembahan adalah persamaan yang sangat dominan antara masyarakat Dusun dan Murut. Oleh itu, kajian yang akan dilakukan ini adalah tertumpu kepada masyarakat Murut Paluan dan membincangkan pengaruh mitos dalam kehidupan mereka.

Metodologi Dan Kawasan Kajian

Kajian ini dilakukan secara kajian lapangan dan diadun dengan analisis kajian perpustakaan. Penggunaan buku Low Kok Onn dan Arena Wati sebagai sandaran kepada dapatan perbandingan bagi masyarakat Kadazandusun. Pengutipan data folklore ini mengambilkira pemerhatian dan penelitian dengan cara merakam temu bual, menyelami kebudayaan tempatan dan melakukan catatan hasil pemerhatian. Justeru itu, aspek menyelami akan tindak-tanduk informen diambilkira. Pendekatan etnografi turut digunakan untuk menyelami, memahami dan mendekati budaya setempat. Hal ini penting agar kandungan folklore dapat dianalisis dengan baik dan rinci. Oleh itu, informen dengan buah fikiran dan semangatnya sebagai *human instrument* sangat penting didekati dan diambil perhatian untuk mencungkil dan menyerap pengetahuan yang dimiliki oleh informen. Justeru itu, kerja lapangan ini lebih terarah untuk mengutip setiap data yang datang dari ingatan informan menggunakan peralatan elektronik seperti merakam bunyi dan visual seperti kamera. Pengkaji juga mengambil pendekatan perspektif etik dan emik. Teknik emik dan etik ini bertujuan untuk memperolehi data-data yang seimbang semasa proses mengutip data di lapangan bagi mengelakkan ketidakseimbangan data. Keseimbangan data penting untuk mencari penyelesaian kajian (Mohd. Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghadaffi Hanafiah 2005: 33-46).

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Mitos

Asas kepada keteguhan tradisi warisan Murut paluan ialah institusi *babalian* yang masih wujud. Pengekalan ketua adat dalam pentadbiran Mahkamah Anak Negeri, etnik Murut mendominasi etnik yang mendiami daerah Nabawan yang menyukarkan pembasmian tradisi lama. Tradisi ini diamalkan dengan bebas, selari dan hampir mempunyai persamaan dengan Murut

Paluan dan Murut Tagol. Menurut Johanes Mardimin (1994) “tradisi” merupakan mekanisme yang dapat membantu melancarkan perkembangan peribadi anggota masyarakat, misalnya dalam mendidik anak menuju kedewasaan. Tradisi juga penting sebagai pembimbing pergaulan bersama dalam masyarakat. Kenyataan Johanes ini menggambarkan bahawa perkara kebiasaan yang diwarisi secara temurun-temurun itu merupakan alat untuk mendidik dan mengajar kelompok masyarakatnya bertindak sewajarnya dalam masyarakat. Justeru, warisan budaya bukannya penghambat kepada kemajuan tetapi juga sebagai medium yang penting untuk mengolah dan membentuk keperibadian individu dalam satu kelompok masyarakat.

Penceritaan tradisi lisan dalam genre mitos turut memengang perbincangan bahawa setiap cerita yang dikutip akan menjelaskan bagaimana sesuatu peristiwa, tempat, benda dan manusia muncul dalam kehidupan. Hal ini akan membolehkan aspek mengenal pasti sifat kewujudan persamaan dan perbezaan kepercayaan dalam cerita mitos dengan latar belakang budaya yang berbeza. Ini boleh dilihat dalam konteks isi cerita, nilai, tema dan unsur pengajaran yang terdapat dalam cerita tersebut. Gubahan cerita yang mempunyai perbezaan plot cerita pula selalunya terdapat dalam aspek anutan kepercayaan dari latar belakang budaya, tempat dan ekonomi yang berbeza mengikut kumpulan komuniti.

Pada detik yang terawal, cerita mitos asal-usul Murut Paluan boleh dibayangkan dengan dikawal oleh satu kuasa tertinggi yang disebut *Aki Kinapuno* (tuhan) kepada kelompok masyarakat Murut Paluan. Semua yang wujud dalam alam semesta ini mereka percaya hasil kerja kebijaksanaan dan kekuasaan *Aki Kinapuno*. Kedudukan *Aki Kinapuno* yang tertinggi menyebabkan Murut Paluan percaya bahawa alam semesta seluas ini bukan ditadbir secara bersendirian tetapi setiap sudut bumi dijaga oleh susuk pembantu yang mempunyai gelaran dan peranan masing-masing. Justeru itu, watak kesempurnaan tertonjol dan memperlihatkan kekuatan yang yang memancarkan sentimen manusia di bumi. Kepercayaan ini memperkembangkan bayangan mitos yang mempunyai hubungan dengan sistem atas langit dan susunan dunia. Lingkungan keajaiban tadi melahirkan mitos yang berlegar dalam dunia ini disokong oleh watak-watak dewa-dewi dan pahlawan yang menjaga setiap lapisan langit. Oleh itu, mitos asal-usul masyarakat Murut Paluan tidak terlepas daripada mitos yang dianggap suci kerana dianggap sebahagian pantadbir yang penting untuk menjaga kerharmonian dunia.

Sementara itu, Teori Malinowski (1971) menjelaskan fungsi untuk mencari dan membuktikan sesuatu kewujudan sesuatu tempat, benda dan kejadian. Mitos asal-usul memberikan jawapan dan dipercayai sehingga menjadi buah pengetahuan masyarakat untuk menghormati asal-usul kejadian. Pengertian dan pengetahuan sebegini akan mempengaruhi peribadi seseorang untuk mengemukakan penjelasan-penjelasan terhadap sesuatu kejadian. Justeru mitos lebih dikenali sebagai etiologi (mencari penyebab) mengenai dunia fizik tempat kediaman manusia. Bermula dengan pembentukan andaian kosmologi tersebut maka mereka menyimpulkan tidak ada yang tercipta secara kebetulan dalam ruang lingkup budaya masyarakat mereka. Oleh yang demikian, Mitos asal-usul membincangkan kewujudan penciptaan seperti matahari, bulan, batu dan unsur-unsur bumi.

Perbandingan Kosmologi Dua Dunia

Fitrah dan sifat ingin mengetahui mengenai sekeliling manusia telah mendorong manusia mencari setiap dimensi kemunculan struktur alam sekeliling mereka. Struktur ini mempunyai lapisan yang dikaitkan dengan Tuhan dan dewa-dewi yang mempunyai peranan yang berbeza. Struktur lapisan ini juga membayangkan suatu kerajaan lain yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia tetapi dapat dikesan melalui kejadian-kejadian yang diturunkan ke bumi. Perbuatan Tuhan, dewa-dewi dan makhluk ghaib ini dirakam dalam cerita mitos masyarakat Murut Paluan dan Kadazandusun. Justeru, kosmologi awal masyarakat Murut Paluan dan Kadazandusun merupakan suatu hierarki yang keramat, berpengaruh dan sangat rapat dengan kehidupan mereka. Skeat (1900: 673), menyatakan bahawa keramat dalam dunia Melayu berkait rapat dengan kekudusan (*sanctity*).

Latar tulisan makalah ini menampilkan keunikan lain mitos yang ada di Borneo. Unsur perbandingan mitos ini mengetengahkan mengenai dunia yang berkaitan dengan ketuhanan dunia Murut Paluan dan dunia Kadazandusun. Perbincangan perbandingan ini memberikan tumpuan kepada dunia penciptaan yang signifikan akan bumi, syurga dan neraka. Sebagai watak utama dalam dunia mitos, perbandingan ini merupakan sebahagian kerangka kajian yang penting dalam teori Mitos. Kuasa pencipta dan pengikutnya jelas memberikan alasan akan kejadian kosmologi unsur dunia yang muncul seperti matahari, bulan, bintang, batu, pokok dan sebagainya. Peristiwa penciptaan merupakan penonjolan watak pencipta dan membawa kepada kronologi pembinaan berbudaya manusia. Dalam kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun terdapat empat bahagian penting iaitu bumi,

langit, surga dan neraka. Semua bahagian ini mempunyai fungsi dan sangat berkait rapat yang meluaskan cerita mitos Murut Paluan dan Kadazandusun. Bahagian-bahagian ini mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain. Bahagian ini jugalah yang menimbulkan kepercayaan masyarakat Murut Paluan dan Kadazandusun bahawa ada kehidupan lain selain bumi.

Setelah membuat adunan mengenai dua dunia kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun terdapat perbezaan dan persamaan yang ketara serta sebatи dengan pandangan hidup yang menampakkan keunikan kedua-dua etnik. Mitos ini akan terus menjadi paksi yang kukuh untuk membincangkan mengenai dunia penciptaan dan kepercayaan mereka. Bently (1995: 51) telah memperincinkan dan mengulas bahawa struktur kosmologi asas mengenai kosmologi dunia yang terdiri daripada i) *Overworld* ii) *world* iii) *underworld*. Justeru kajian ini membandingkan kosmologi kepercayaan watak suci yang supernatural bagi menunjukkan perananya dalam mempengaruhi kehidupan manusia di dunia. Berikut merupakan perbandingan yang ingin dikemukakan seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Perbandingan kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun

| ETNIK | Nama Tuhan | Syurga langit (Overworld) | Neraka (Under world) | Penghuni lapisan bumi/ penjaga bumi (World) | Tokoh pengantar |
|--------------------------|-------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| MURUT PALUAN | <i>Aki Kinapunoh</i> (Datuk permulaan) | Menyenaraikan langit mempunyai tujuh lapisan yang merupakan peringkat Syurga dan dijaga oleh dewa-dewi yang dipilih. | Bawah tanah yang mempu yang nyai tujuh lapisan. | Terdapat tiga lapisan bumi | <i>Babalian</i> |
| KADAZA NDUSUN | <i>Kinorohingan</i> | Mempunyai tujuh lapisan langit dan dihuni oleh makhluk-makhluk | Bawah tanah yang mempu yang nyai tujuh lapisan | Terdapat tujuh lapisan bumi | <i>Bobolian Bombohizan</i> |

Sumber: Sumber: Azman Lungkung, 2019 dan Low Kok Onn, (2005:110)

Tuhan

Teks-teks cerita mitos yang dirakam oleh Low Kok Onn dalam merungkai peranan Tuhan Kadazandusun membayangkan bahawa Tuhan Kadazandusun merupakan sosok yang mempunyai peranan besar dalam masyarakat Kadazandusun. Low Kok Onn (2005: 135) dalam bukunya menyebut Tuhan Kadazandusun berperanan membantu dan melibatkan diri secara langsung dalam semua aspek kehidupan makhluk ciptaanya iaitu manusia sendiri. Teks cerita ini boleh didapati apabila *Bambarayon* memohon agar *Kinoringan* memberikan manusia makanan seperti padi. Kemudian *Kinoringan* menunaikan hajatnya. Peranan ini juga sama dengan Tuhan Murut Paluan yang bernama *Aki Kinapuno*. *Aki Kinapuno* dan *Kinorohingan* digambarkan sebagai ketua mempunyai pengikutnya yang diletakkan dalam enam lapisan langit yang seterusnya untuk membantu, memimpin dan memantau kehidupan manusia di dunia.

Kajian yang meluas dalam etnik Kadazandusun pula mendedahkan bahawa *Kinoringan* merupakan Tuhan. Perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua etnik ini ialah Tuhan Kadazandusun mempunyai isteri. Catatan ini terhurai dalam kenyataan Leong (1968) “*the dusun people call their God Kinoringan and his wife Yumun and this is still so today.*” dan Evans (1922) pula menyatakan “*now the man and his wife were Kenharingan and Munsumundok* dalam buku Low Kok Onn (2005: 127). Perbandingan ini menggambarkan bahawa cerita mitos mengenai Tuhan Kadazandusun lebih bersifat seperti manusia biasa. Tuhan Murut Paluan pula, mereka akui bahawa Tuhan mereka mempunyai anak. Sebaliknya lebih kepada pencipta. Informan Karimon Lumaing menyatakan “*Ando anak ri Aki Kinapuno, abis atu ayuk kasigaan no alaap no.*” bermaksud: Aki Kinapuno tidak memerlukan anak kerana semua yang diinginkanya dia boleh dapatkan.

Namun dalam konteks peranan dan fungsi terdapat banyak persamaan peranan antara Tuhan Kadazadusun dan Murut Paluan. Kedua-dua masyarakat ini percaya bahawa Tuhan mereka penggerak segala permulaan penciptaan bumi dan unsurnya. Mereka percaya bahawa bumi ini dijaga oleh suatu kuasa yang melindunginya daripada segala bentuk kejahanatan. Selain itu, *Kinorohingan* dan *Aki Kinapuno* diagungkan kerana mempunyai nilai-nilai pengasih terhadap kehidupan manusia. Sifat-sifat *Aki Kinapuno* sebagai Tuhan Murut banyak membantu manusia melalui utusan-utusannya iaitu penjaga-penjaga sudut bumi. Cerita mitos sepunya yang terkenal dalam dunia etnik ini adalah dalam cerita pengorbanan gadis cantik

bernama *Hominodon* (versi Kadazandusun) dan *Aru Kauli* (versi Murut Paluan). Peristiwa mukjizat dan keajaiban yang berlaku dalam kehidupan manusia merupakan tindak balas fitrah manusia yang mempunyai hubungan yang kuat dengan pencipta. Perubahan masa juga menunjukan pada zaman ini manusia mempunyai agama untuk dianuti sebagai landasan hidup dan menyembah kepada Tuhan mereka. Konsep ini adalah sama seperti yang dipegang oleh golongan masyarakat “ortodoks”. Murut Paluan pada ketika itu. Mereka mengangkat *Aki Kinapuno* sebagai Tuhan mereka. Mereka menyedari bahawa mereka ditadbir oleh kuasa tertinggi berdasarkan kepada kepercayaan mereka yang bermula daripada mukjizat alam. Hubungan ini semakin akrab apabila masayarakat Murut Paluan pada ketika itu mula belajar mengadakan upacara ritual untuk menyenangkan hati Tuhan. Mereka mempercayai bahawa mereka boleh mendapatkan kebaikan dari pada *Aki Kinapuno* untuk mengawal kehidupan mereka agar terhindar daripada penyakit, malapetaka dan bencana.

Jadual 2 Kosmologi Murut Paluan, tujuh lapisan langit

Syurga langit (Overworld)

| Lapisan Langit (Limbowon) | Nama Syurga dan Maksudnya | Penghuni/gambaran |
|----------------------------------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tujuh (tulu) (Murut Paluan) | <i>Nakatulayo:</i> Termulialah | <i>Aki Kinapuno:</i> Pentadbir dunia, langit dan alam semesta. Aki Kinapuno akan mengawal sistem bumi dan menjadikan semuanya seimbang. Mempunyai kuasa yang tidak tertanding. |
| Tujuh (Kadazandusun) | <i>Kopinturuk-turuk</i> bermaksud tujuh dalam bahasa Dusun Tindal | <i>Kinoringan</i> tinggal di sebuah istana di atas sebuah bukit. Jalan dikelilingi istana ini ditumbuhki pokok yang berbauhkan pakaian yang cantik. |
| Enam (onom) (Murut Paluan) | <i>Pambibilinan ra Natulai:</i> Pemberitahuan mengenai kemuliaan | <i>Aki Lungkaki Dobundol:</i> Pahlawan bagi alam semesta dan mempunyai kekuatan yang luar biasa. Melindungi bumi daripada penyakit dan bencana. Serangan kuasa kegelapan. |
| Enam (Kadazandusun) | <i>Napantai</i> -bermaksud rata | Ahli keluarga <i>Kinoringan</i> yang dikenali sebagai <i>Kinorohingan</i> . |
| Lima(limo) (Murut Paluan) | <i>Kansayaan:</i> Kesenangan/kebahagiaan | <i>Aki Atalau Lumalak:</i> Seorang dewa yang mempunyai kekuatan yang luar biasa dan ketakutan. Sifat pendiam. Bila berbicara semua kata-katanya akan menjadi kenyataan. Sangat ditakuti kerana membuat serangan dengan hanya bercakap. Menentukan saat manusia akan meninggal. |
| Lima | <i>Minunduk</i> -bererti atas | Roh manusia yang meninggal dunia. |

| | | |
|-------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (Kadazandusun) | pokok | |
| Empat(opot) | <i>Asawat anining:</i> | |
| (Murut Paluan) | Kejernihan atas | |
| Empat (Kadazandusun) | <i>Pipiton</i> -bermaksud hujung | <i>Aki Masundu dan Aru masundu:</i> Berperwatakan baik, mempunyai fizikal yang cantik dan tampan. Suka turun ke dunia dan sering disangka <i>Aki Kinapuno</i> . Ahli keluarga <i>Kinoringan</i> yang dipertanggungjawabkan menjaga roh manusia. |
| Tiga(talu) (Murut Paluan) | <i>Pangibitan ra ralan onsoi:</i> Pembawa jalan yang baik | <i>Aki Bambangan Lumambai:</i> Perwatakan yang pendiam. Suka berkelana di bumi dan mempunyai kesaktian. Membawa <i>buayoi-buayoi</i> berjalan ke bumi. <i>Ompuan</i> (makhluk supernatural) Hujan turun dari sini. |
| Tiga | <i>Dongkrinson</i> -bermaksud descending without steps | <i>Aki Salingaun:</i> Memastikan kerajaan langit dan bumi harmoni. Menjaga bidadari yang mempunyi darah suci untuk dikirimkan ke dunia untuk dikorbankan. |
| Dua (duo/ruo) (Murut Paluan) | <i>Pasisindungan:</i> tempat berlindung | Tempat tinggal makhluk supernatural yang dikenali sebagai <i>Ompuan</i> . Dipercayai <i>Ompuan</i> berasal dari <i>Dongkris</i> dan makhluk supernatural ini memiliki sawah padinya tersendiri. |
| Dua (Kadazandusun) | <i>Lungkowon</i> | <i>Aki Luluga:</i> Bermaksud degil. Seorang yang mempunyai kedegilan dan namun setia. Menggunakan teka-teki untuk naik ke langit seterusnya. Penjaga langit. Didiami oleh semangat yang membawa penyakit. Semangat ini dikawal oleh orang tengah <i>Kinoringan</i> iaitu bomoh atau yang dikenali <i>Bobolian</i> . |
| Satu (Saa) (Murut Paluan) | <i>Pagigimpalan ri Aru-aru:</i> tempat melihat si nenek-nenek. | |
| Satu (Kadazandusun) | <i>Sampaping</i> -bermaksud “ke satu sudut”. Di sini tidak ada langit tetapi bercahaya sahaja. | |

Sumber: Azman Lungkung, 2019 dan Kosmologi Kadazandusun, Low Kok Onn, Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun (2005:110)

Lapisan Langit (Syurga)

Berdasarkan jadual di atas informan Azman Lungkung (2019), telah memperincikan tugas-tugas yang dilakukan oleh setiap lapisan yang diberikan oleh *Aki Kinapuno* selaku ketua dan penjaga lapisan langit dan tugas mereka di bumi. Selain daripada bumi, Murut Paluan percaya kepada kewujudan alam di atas dan bawah bumi yang menjadi tempat tinggal makhluk sakti. Mereka berpandangan bahawa kehidupan di atas langit diwakili oleh makhluk-makhluk yang mempunyai kesaktian luar biasa dan tinggal di tempat yang cantik dan indah. Namun tempat-tempat tersebut mempunyai kategori pembahagian berdasarkan kepada pecahan tanggungjawab kepada manusia.

Kedua-dua etnik Kadazandusun dan Murut Paluan percaya kepada konsep jahat dan baik. Terdapat banyak versi cerita yang menggambarkan mengenai syurga dan neraka Kadazandusun. Lazimnya adalah seperti biasa bahawa syurga itu digambarkan sesuatu yang indah, istimewa dan menyenangkan. Williams (1965: 44) menjelaskan bahawa Syurga Kadazandusun merupakan tempat yang sempurna, cantik, terdapat makanan dan tiada kejahanatan berlaku. Persamaan lain juga yang menunjukkan antara syurga Kadazadusun dan Murut Paluan ialah mereka mempunyai tujuh lapisan syurga yang menjanjikan kesempurnaan. Arena Wati (1978: 61-62), menulis dalam kajianya iaitu Kadazandusun percaya bahawa ketua Dewa mereka iaitu *Kinoringan* akan menetapkan individu yang berbuat baik di dalam Syurga. Bagi roh yang telah meninggal dunia dan membuat banyak dosa serta berkelakuan tidak baik akan menerima hukuman setimpal semasa mereka berada di bumi. Leong (1968) menyatakan bahawa gunung Kinabalu merupakan tempat pengadilan bagi roh yang telah meninggal dunia. Langit merupakan syurga bagi kedua-dua etnik ini.

Penceritaan mengenai kedudukan yang dimiliki oleh penjaga langit dapat digambarkan dari segi watak, perwatakan dan keistimewaannya. Gambaran pertama dalam jadual di atas bahawa tidak semua tujuh lapisan langit kosmologi masyarakat Kadazandusun itu adalah suci atau sakral kerana didukuki semangat jahat yang mempunyai pengaruh kepada kehidupan manusia. Sebaliknya masyarakat Murut Paluan menggambarkan bahawa semangat kejahanatan itu berlegar-legar di atmosfera lapisan bumi kerana tidak boleh memasuki ruang suci langit.

Terdapat perbezaan yang sangat ketara dalam perbandingan lapisan langit kedua bagi gambaran Murut Paluan dan Kadazandusun. Murut Paluan menggambarkan bahawa *Aki Salingaun*—dikatakan bertugas untuk memastikan seluruh keadaan langit dan bumi selalu harmoni. Di sinilah dikatakan tinggalnya bidadari yang selalu muncul datang ke bumi. Mereka merupakan wanita-wanita syurga yang hanya mempunyai kuasa apabila datang ke bumi. Kuasa-kuasa wanita ini adalah semuanya bertujuan Mitos Kosmologi Kadazandusun meletakkan ciri penghuni langit kedua kosmologinya hampir memiliki sifat-sifat manusia yang mempunyai sawah sendiri bernama *Ompuan*. *Ompuan* yang menghuni dua lapisan langit iaitu lapisan langit kedua dan ketiga dalam kosmologi Kadazandusun. Menariknya lapisan ini memperkatakan mengenai tanaman yang ditanam manusia sebagai sumber makanan.

Aki Bambangan Lumambai, mempunyai perwatakan seperti manusia yang menduduki kosmologi lapisan langit ketiga dalam kutipan mitos Murut Paluan. Dia merupakan pembawa dan penjaga dewa-dewa *buayoi* untuk berkelana di bumi bagi membantu manusia. *Buayoi-buayoi* ini memiliki watak yang luar biasa dan ditinggalkan di bumi untuk membuat kerja-kerja mengurus bumi seperti memulihkan sesuatu kawasan daripada penyakit dan mengajar manusia tertentu menjadi pahlawan dan ketua bagi kumpulan mereka. Justeru itu, dikatakan bahawa manusia masyarakat Murut Paluan mempunyai kekuatan yang laur biasa kerana dilindungi oleh dewa. *Aki Bambangan Lumambai* juga duduk di syurga bernama *pangibitan ra ralan onsoi* kerana sering menyuruh pengikutnya mengajarkan manusia bagaimana seharusnya mereka perlu berperilaku di hadapan *Aki Kinapuno*.

Kosmologi Masyarakat Murut secara keseluruhanya membicarakan sosok yang luar biasa mendiami lapisan langit. Lapisan langit keempat dikenali sebagai susuk yang mempunyai ketampanan luar biasa dan menjadi penjaga langit keempat. *Aki Masundu* sering datang ke dunia dan mendatangi tempat yang cantik di dunia. Beliau dikatakan sebagai jelamaan *Aki Kinapuno*. *Aki Masundu* selalu datang ke dunia dengan mengikuti jalan pelangi. Apabila pelangi keluar selepas hujan dipercayai *Aki Masundu* dan *Aru Masundu* akan turun ke bumi dan menjalinkan hubungan dengan manusia. Mereka merupakan penjaga langit yang mempunyai anak-anak. Anak-anak mereka dikatakan suka turun ke bumi dan menunjukkan rupa yang cantik dan tampan. Lapisan langit Kadazandusun pula hanya beranggapan bahawa lapisan ini dihuni oleh keluarga *Kinoringan* untuk menjaga roh manusia.


Jika dibandingkan peranan *Aki Atalaum Lumalak* di lapisan langit kelima ini seolah-olah mempunyai persamaan dengan kosmologi Kadazandusun yang menempatkan kedudukan langit kelima sebagai tempat dihuni oleh roh yang meninggal dunia. Konsep dalam lapisan langit ini seolah-olah bersangkutan dengan kematian. Perbezaannya ialah dalam masyarakat Murut Paluan lebih menonjolkan peranan *Aki Atalaum* sebagai penetu kematian seseorang.

Berdasarkan lapisan langit keenam mitos Murut Paluan meletakkan figura *Aki Lungkaki Dobundol* sebagai kuasa yang melawan serangan ini seperti penyakit yang dibawa oleh pengikut kuasa-kuasa kegelapan ke bumi. Berbeza dengan masyarakat Kadazandusun lapisan ini didiami oleh keluarga *Kinoringan* yang dikenali sebagai *Kinorohingan*.

Neraka (*Underworld*)

Neraka (*rokonon*) tempat yang digambarkan penuh kengerian. Sifat baik dan buruk menjadi alasan kepada kewujudan neraka. Gambaran neraka wujud terutama dalam kebanyakan cerita mitos di dunia. Low Kok Onn (2005: 104) dalam teks F dan G beliau memberitahu bahawa neraka bagi Kadazandusun adalah tempat roh si mati yang berdosa dan akan menerima hukuman namun tulisan beliau tidak membayangkan neraka Kadazandusun itu bagaimana keadaanya. Versi mitos dalam teks M-87 dan M-89 “*...alaat poyoh babal, ampatoi ra ulun am kium maya ak kasigaan nu guang ando tujuan.*” (Jika manusia membuat jahat seperti membunuh orang dan binatang tanpa tujuan dan alasan). Tempat ini merupakan destinasi roh manusia yang banyak membuat dosa dan ingkar akan peraturan semasa berada di dunia. Apabila meninggal dunia roh mereka yang telah meninggal akan ditanam di dalam tanah. Sekiranya mereka melakukan dosa mereka akan terus ke bawah tanah dan dimasuk di dalam keadaan sempit dan tidak mempunyai jalan untuk keluar. Mereka akan dikuasai oleh kerajaan kegelapan dan kejahatan dan akan diseksa. Neraka Murut Paluan juga mempunyai lapisan sehingga tujuh lapisan. Lapisan luar adalah bagi roh-roh yang telah meninggal dunia namun mempunyai sedikit kebaikan. Mereka kadang-kadang boleh keluar ke bumi pada masa-masa tertentu untuk bertemu dengan keluarga mereka [Temu bual: Sinapang Lungkung, 2019].

Mitos Murut Paluan menyatakan bahawa di sebalik dunia yang baik ini ada juga istilah dunia kejahatan. Kerajaan langit mempunyai dua kerajaan iaitu kejahatan dan kebaikan. Namun kerajaan kejahatan tidak dapat mencipta seperti *Aki Kinapuno* kerana hanya wujud daripada unsur yang tidak lengkap iaitu api dan batu sahaja. Ini menyebabkan makhluk jahat ini selalu memberontak dan suka mengganggu kehidupan manusia. Kehilangan unsur air dan tanah juga menyebabkan makhluk kejahatan tidak terbentuk sempurna dan selalu dibayangkan dengan sosok yang mengerikan dan hodoh. Sifat air yang sejuk dan lembut juga telah menyebabkan makhluk jahat ini tidak mempunyai ciri-ciri air tersebut. [Temu bual: Sinapang Lungkung, 2019], menyebut bahawa “*...Ando timug ra inan rilo gino ngah alasu kuon...salah ka kono timug asalui am abuli mayan atau ak intok noh*” (Tiada air dalam badan mereka sebab itu panas... tidak seperti air sejuk dan boleh tinggal mana-mana).



Rajah 3.6

Penciptaan Makhluk Jahat digambarkan oleh Murut Paluan (Kerajaan kejahatan) yang dilengkapi unsur-unsur bumi tapi tidak lengkap seperti *Aki Kinapuno*

Susuk ini juga dipercayai mempunyai suara seperti tuhan iaitu guruh namun sedikit tidak baik dan mampu memancarkan kilat. Makhluk ini adalah selalu mengganggu semua penciptaan yang dilakukan oleh *Aki Kinapuno*. Setelah bumi diciptakan manusia makhluk ini dikatakan turun ke bumi dan suka mendiami kawasan bumi kerana wujudnya semua iklim yang disukai oleh makhluk ini. Mereka suka mengganggu manusia kerana manusia tidak mempunyai sifat-sifat sakti seperti dewa-dewi. Sifat manusia yang lemah adalah menjadi sasaran dan tumpuan untuk membuatkan kehidupan manusia bertambah kucar-kacir. Ini membuatkan kuasa kegelapan menjadi senang melihat keadaan sebeginu kerana kecemburuannya kepada dewa-dewi seolah-olah terbalas. Cerita ini dijelaskan dalam [Temu bual: Sinapang Lungkung, 2019] “... *alaat tau anu itu mangkisam am saitan. Asiga iloh ra alaat poyo bayah nu ulun nu tanah habis somolonkan ra bayah nu Aki-aki atulai ra limbowon binaal ri Aki Kinapuno...*” (Iblis dan hantu adalah jahat. Mereka suka kehidupan manusia yang tidak baik kerana iblis cemburu dengan kehidupan dewa-dewi yang baik telah diberikan dicipta oleh *Aki Kinapuno*).

Semenjak penciptaan dunia berlaku kuasa kebaikan dan kejahanan sudah sedia ada dan sering berebut mendapatkan manusia untuk dibawa ke kerajaan masing-masing. Masyarakat Murut Paluan juga percaya bahawa lapisan bawah bumi yang panas sangat suka didiami oleh makhluk jahat untuk menarik manusia ke dalamnya jika mempunyai sifat-sifat kejahanan. Keadaan bawah bumi yang panas sempit adalah bayangan kepada kehidupan yang tidak selesa dan menyeksakan kehidupan manusia. Neraka menceritakan makhluk yang tinggal di bawah tanah. Sebaliknya kehidupan yang *atulai* (mulia) terdapat di kerajaan syurga yang dipenuhi oleh kebaikan-kebaikan dan manusia tidak perlu bersusah payah untuk memiliki apa yang diinginkan oleh mereka. Sumber-sumber mitos yang terdapat dalam cerita

Mitos Murut menunjukkan terdapat perperangan yang berlaku dengan kerajaan kebaikan dan kerajaan kejahanan di atas langit. Memandang sifat *Aki Kinapuno* yang suka mencipta peranannya dalam sistem kehidupan manusia adalah meluas.

Justeru itu, untuk mendapatkan kehidupan yang harmoni manusia mempunyai keperluan untuk menjalinkan hubungan dengan dunia luar mereka. Namun adalah tidak mudah berhubung dan mendapatkan bantuan daripada alam ghaib kerana terdapat perlakuan-perlakuan ritual dan pengorbanan yang perlu dibuat. Kesedaran masyarakat Murut mengenai hubungan dengan dunia luar adalah semakin ketara dan intim kerana terdapatnya institusi yang menjadi tulang belakang kepada kepercayaan mereka yang dipercayai telah dipilih oleh *Aki Kinapuno*.

Sebaliknya, masyarakat Murut Paluan percaya bahawa neraka terdapat tujuh lapisan. Pertama *Tolonon* kerana mereka yang meninggal ditanam di tanah seperti ditelan tanah. Tempat kedua *Tailikon* iaitu roh seperti digantung, ketiga *Kumarat Aliah* yang bermaksud membuka mata kerana di sana mata terbuka dan tidak tenang, keempat *Natapang*, kelima *Imbisian*, keenam *Sabuois* dan ketujuh *Agurus salah*. Mereka yang mempunyai dosa yang tidak banyak dan tidak mempunyai kebaikan yang banyak akan tinggal di bumi. Roh mereka akan menuju ke gunung yang suci iaitu Gunung Kinabalu yang dikatakan tangga Syurga. Mereka akan bersemadi di Gunung Kinabalu dan akan menjadi roh-roh yang menjaga pintu syurga iaitu Gunung Kinabalu.

Memandangkan Gunung Kinabalu merupakan pusat bumi maka semua roh yang telah meninggal dunia akan dihakimi di Gunung Kinabalu. Mereka yang layak duduk di Syurga iaitu lapisan langit akan masuk melalui pintu di Gunung Kinabalu. Penjelasan ini memberikan sedikit perbezaan dengan pandangan Kadazandusun mengenai Gunung Kinabalu sebagai tempat pengadilan. Masyarakat Murut Paluan menganggapnya sebagai pintu ke Syurga. Mengikut kepercayaan masyarakat Murut Paluan lapisan neraka paling teratas merupakan manusia yang telah dibunuhi atau terbunuhi dalam kejahanan mereka. Roh mereka akan menjadi binatang yang sangat menakutkan. Mereka akan mencari mangsa untuk dijebakkkan ke nereka sama seperti mereka kerana perasaan dendam dan tidak puas hati. Roh mereka ini dikenali sebagai “ampangalar.”

Penghuni lapisan bumi/ penjaga bumi dan sosok pengantar (World)

Jika melihat kepada perbandingan dunia Kadazandusun hampir mempunyai persamaan dengan masyarakat Murut Paluan. Mereka melihat bahawa dunia ini mempunyai lapisannya yang tersendiri seperti dalam kosmologi Murut Paluan. Namun perbezaannya ialah bilangan lapisan bumi. Masyarakat Murut Paluan percaya sebelum sampai ke langit bumi terdiri daripada tiga atmosfera lapisan. Kedua-dua masyarakat Kadazandusun dan Murut Paluan meletakkan *babalian* atau *bombohizan* sebagai sosok yang penting. Usaha seorang *babalian* adalah sangat penting pada peringkat ini agar masyarakat setempat juga diberikan petunjuk untuk menjauhkan perkara-perkara yang menyebabkan sihir luar berkesan membunuh atau mendatangkan keadaan yang mengganggu mereka. Justeru individu ini yang hebat dipandang tinggi dan ditakuti kerana pengetahuan akan dunia magis. Mereka juga berpeluang untuk menduduki sistem sosial tertinggi dalam kalangan penduduk tersebut.

Kesimpulan

Penelitian ini penting bagi memahami sendiri kehidupan berbudaya etnik Murut Paluan dan Kadazandusun. Kosmologi dalam masyarakat Kadazandusun mempunyai peranan dan kaitan hampir sama dengan kosmologi dalam konteks Murut Paluan di Sabah. Cara hidup yang hampir sama dan pemikiran yang banyak berkisar mengenai pemujaan unsur-unsur semula jadi yang perlu dipuja melalui pengorbanan dan penyembahan adalah persamaan yang sangat dominan antara masyarakat Kadazandusun dan Murut Paluan. Kebiasaan Kepercayaan ini menyerap masuk ke dalam hukum moden seperti hukum yang terdapat dalam undang-undang adat Mahkamah Anak Negeri Sabah yang banyak bersumberkan daripada kepercayaan tradisional. Peraturan yang masih ada ini membolehkan masyarakatnya zaman sekarang masih bertunjangkan kepada kepercayaan lama untuk melindungi peradaban moral dan budaya mereka. Justeru, pengkajian mengenai mitos perlu dipergiatkan untuk menyelamatkan beberapa tinggalan folklore yang masih ada untuk didokumentasikan kerana hanya sedikit terdapat kajian secara mendalam terhadap cerita rakyat Murut jika dibandingkan dengan Kadazandusun. Kesan penyelidikan ini akan banyak memberikan manfaat kepada etos dan jati diri bangsa.

Rujukan

Artikel Jurnal

Hurlbut, Hope. (1986). Traditional Beliefs of the Eastern Labuk Kadazan People. *Sabah Museum and Archives Journal* 1: 114-115 & 170.

Mohd. Yuszaidy Mond Yusof& Muammar Ghadafi Hanafi. (2015). *Jurnal Komunikasi*. Jil. 31(2):33-46.

Woolley, G. C. (1928). Murut Folktales. *Folklore* 39 (3): 253-271.

Buku

Arena Wati. (1978). *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Yayasan Sabah.

Bently, Peter. (ed.). (1995). *The Dictionary of World Myth*. New York: Duncan Baird Publisher: 51,197&231.

Brewis, Richard. (1985). *Cerita Dongeng Sabah*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.

Chong, Benedict S. (1991). *Tales of Borneo*. Second Edition. Tanjung Malim: Pustaka San Ming.

Evans I. H. N. (1920). *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. Cambridge: Cambridge University Press.

Evans, Ivor H. N. (1922). *Among Primitive People in Borneo*. London: Selly Service & Co. Ltd.

Gidah, Mary Ellen. (2001). *Archetypes in the Cosmogonic Myths of the Australian Aboriginal People and the Kadazandusun of Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Harrison, Barbara & Micheal Chong. (1965). Stones form Kinabatangan Caves Sabah. *Sarawak Museum Journal* 12: 25-26.

Ismail Ibrahim. (2012). *Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Lasimbang, Rita. (1999). Kadazan Folklore. Kota kinabalu: Natural History Publications (Borneo): 2-3.

Leon Comber. (1975). *Favourite Stories from Boneo*. Kuala Lumpur Heinemann Educational Books (Asia) LTD.

Leong, Frederick Charles. (1968). How The World was Made. Dlm. Marsh, Ignatia Olim. (ed.). *Sabah: Legends and Customs*. Keningau, Sabah: St. Francis Xavier's Secondary School.

Low Kok On. (2005). *Membaca Mitos dan Legenda Kadazan Dusun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 127&135

Malinowski Branislaw. (1971). *Myth Primitive Psychology*. New York : Negro Universities Press: 78.

Mardimin, Johanes. (1994). *Jangan Tangisi Tradisi: Transformasi Budaya Menuju masyarakat Indonesia Morden*. Yogyakarta: Kanisius.

Margaret M. brooks. (1961). *Cherita-cherita Dongeng Dari Sabah*. Sarawak: Borneo Literature Bureau.

Marsh, Ignatia Olim. (ed.). (1988). *Tales and Tradition from Sabah*. Kota Kinabalu: The Sabah Society.

Mohd. Nor Long. (1978). *Cerita Rakyat Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Moody, Davic C. (1993). *Cerita Dongeng Ida'an*. Edisi Pertama. Kota Kinabalu: Musium Sabah.

Pugh-Kittingan, J. (2012). Murut. In Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah, eds. K Mariappan and P. Porodong (pp. 23–107). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia: 25

Rutter, Owen. (1999). *The Dragon of Kinabalu and Other Borneo Stories*.

Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo). Skeat, Walter William. (1900). *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular*. Edisi Pertama. London: Frank Cass and Co.

T. R William. (1965). *The Dusun: A North Borneo Society*. London: Holt, Rinehart & Winston: 11,19&44.

T. R William. (1969). A Borneo Childhood: *Enculturation in Dusun Society*. London: Holt, Rinehart and Winston.: 5,10&44.

Whelan, F.G. (1970). *A History of Sabah*. Kuala Lumpur and Singapore: Macmillan.

Informan

Karimon Lumaing. (2019). Kosmologi Murut Paluan Sabah. Temu bual, 18 September.

Azman Lungkung. (2019). Kosmologi Murut Paluan. Temu bual 18 September.

Ganiam Tungkuyan. (2018). *Babalian* dan peranan, Sabah. Temu bual. 20 Januari.